

UMP terima kunjungan Presiden MISR University for Science & Technology

Setelah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Misr University for Science & Technology (MUST) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP), MUST mengorak langkah maju kehadapan dalam hubungan antara kedua-dua institusi pengajian tinggi dengan mengadakan lawatan rasmi oleh Presiden MUST, Profesor Dr. Mohamed Rafaat Mahmoud ke universiti ini pada 26 hingga 28 April 2009 baru-baru ini.

Lawatan itu merupakan lawatan kali pertama beliau ke Malaysia. Turut hadir Dekan Kolej Kejuruteraan MUST, Profesor Dr. Kamal Bedwey.

Satu majlis makan malam yang ringkas dan meriah sebagai meraikan kedatangan delegasi dari MUST telah diadakan di Hotel Swiss Garden, Kuantan pada 26 April 2009.

Kedatangan delegasi dari MUST ke kampus UMP telah disambut mesra oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Sabarudin Mohd, Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan-dekan Fakulti dan pegawai-pegawai universiti.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapan alu-aluannya berkata, beliau sangat mengalu-alukan kunjungan sulung delegasi dari MUST untuk mengenali universiti ini dengan lebih dekat lagi.

"UMP dan MUST boleh mula bekerjasama dengan segera dan kedua-dua belah pihak boleh memulakan kerjasama dalam pertukaran staf dan pelajar dan UMP komited untuk merealisasikan kerjasama ini."

"Pihak UMP juga amat berbesar hati menjemput Presiden MUST untuk turut hadir pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-4 yang akan diadakan pada 3 Oktober akan datang," katanya.

Sementara itu, delegasi MUST turut mengadakan beberapa siri perbincangan dengan dekan dan wakil fakulti UMP serta lawatan bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di UMP terutamanya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran pada 27 dan 28 April yang lalu.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dipersetujui bersama hasil daripada sesi perbincangan tersebut ialah pertukaran staf dan pelajar (perpindahan kredit), penyeliaan bersama pelajar pasca siswazah, penerimaan profesor tamu dan profesor pelawat, pemeriksa luar dan lawatan kebudayaan pelajar.

